



**PERATURAN
KEJOHANAN MERENTAS DESA
MSS PENDIDIKAN KHAS
DAERAH LANGKAWI 2025**

PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MSS PENDIDIKAN KHAS DAERAH LANGKAWI 2025

1.0 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Peraturan – Peraturan AM Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Peraturan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kedah (MSSK) dan Peraturan Kejohanan Merentas Desa MSS Pendidikan Khas Daerah Langkawi.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 27 Februari 2025
Hari : Khamis
Masa : 7.30 pagi
Tempat : Stadium LADA

3.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan secara individu dan berpasukan

4.0 KATEGORI DAN JARAK LALUAN

Kategori	Umur	Jarak
Lelaki A	Bawah 19 tahun	8 km
Lelaki B	Bawah 15 tahun	6 km
Lelaki C	Bawah 12 tahun	4 km
Perempuan A	Bawah 19 tahun	6 km
Perempuan B	Bawah 15 tahun	6 km
Perempuan C	Bawah 12 tahun	4 km

5.0 PENDAFTARAN PESERTA

- 5.1 Setiap murid yang didaftarkan hendaklah Warganegara Malaysia.
- 5.2 Peserta-peserta Kategori 19 tahun dan 15 tahun **WAJIB membawa Kad Pengenalan asal**. Manakala Kategori 12 tahun ke bawah **WAJIB membawa Kad Pengenalan/MyKid asal** sebagai pengesahan rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (Rujuk Peraturan Am MSSM).
- 5.3 Setiap peserta mestilah **membawa salinan Kad OKU yang disahkan**.
- 5.4 Setiap sekolah dikehendaki mendaftar satu pasukan sahaja bagi setiap kategori pertandingan; maksimum 5 peserta.
- 5.5 Peserta yang berusia **lebih 12 tahun** yang masih berada disekolah rendah layak bertanding dan perlu didaftarkan mewakili sekolah menengah yang menjadi *feeder-school* sahaja.
- 5.6 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada sistem pendaftaran rasmi yang

disediakan dan borang pengesahan penyertaan yang dicetak perlu disahkan oleh pengetua/guru besar sekolah masing-masing.

- 5.7 Borang pertandingan yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada
- Jawatankuasa Pertandingan Merentas Desa MSSD Langkawi 2025
d/a **PPD Langkawi (En. Mohamad Syarifudin bin Yusof)**
No tel : **017-6375142**
Tarikh tutup penyertaan ialah pada **23 Februari 2025 (Ahad)** – jam 12.00 tengah malam.

6.0 PENENTUAN JUARA KESELURUHAN SEKOLAH RENDAH

- 6.1 **1** pasukan yang lengkap (**4 orang**), bagi mana- mana kategori lelaki atau perempuan layak dinilai bertanding menentukan **JOHAN KESELURUHAN**
- 6.2 Pengiraan mata johan keseluruhan akan diutamakan kepada pasukan yang menghantar lengkap 2 pasukan (lelaki dan perempuan bawah 12 tahun)
- 6.3 Mata yang diperolehi paling sedikit akan dikira sebagai **JOHAN KESELURUHAN**
- 6.5 Jawatankuasa pertandingan berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak dicatat dalam undang-undang KOAM, Peraturan MSSM Pendidikan Khas, atau peraturan-peraturan Kejohanan Merentas Desa MSS Pendidikan Khas Daerah Langkawi.
- 6.4 Keputusan hakim adalah muktamad

7.0 PENENTUAN JUARA KESELURUHAN SEKOLAH MENENGAH


- 7.1 **2** pasukan yang lengkap (**4 orang**), bagi mana- mana 2 kategori (bawah 19 atau bawah 15 lelaki dan perempuan) layak dinilai bertanding menentukan **JOHAN KESELURUHAN**
- 7.2 Pengiraan mata johan keseluruhan akan diutamakan kepada pasukan yang menghantar paling banyak pasukan yang lengkap kategori bawah 19 dan bawah 15 lelaki dan perempuan.
- 7.3 Mata yang diperolehi paling sedikit akan dikira sebagai **JOHAN KESELURUHAN**
- 7.5 Jawatankuasa pertandingan berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak dicatat dalam undang-undang KOAM, Peraturan MSSM Pendidikan Khas, atau peraturan-peraturan Kejohanan Merentas Desa MSS Pendidikan Khas Daerah Langkawi.
- 7.4 **Keputusan hakim adalah muktamad**

8.0 HADIAH – HADIAH

- 8.1 Bagi acara Individu
Hadiah medal dan sijil akan diberikan kepada pemenang tempat pertama hingga tempat ke sepuluh bagi setiap kategori. Sijil penyertaan untuk setiap peserta akan disediakan.
- 8.2 Piala pusingan akan diberikan kepada pasukan yang menjadi Johan Keseluruhan (**1 kategori johan keseluruhan sekolah rendah dan 1 kategori johan keseluruhan sekolah menengah**)

9.0 NOMBOR BIB PESERTA

- 9.1 Setiap peserta hendaklah memakai sepasang nombor yang ditentukan oleh jawatankuasa pengelola. Nombor mestilah dipakai di depan dan di belakang serta disematkan dengan pin pada setiap penjuru kain.
- 9.2 Nombor peserta mestilah dipakai bersama dengan kain berwarna mengikut kategori di bahagian hadapan dan dipinkan.



KATEGORI	WARNA
L19	HITAM
P19	GOLD
L15	OREN
P15	KELABU
L12	PINK
P12	UNGU

PENTING

SAIZ : 15X25 CM
KETINGGIAN NOMBOR : 10 CM
HURUF & NOMBOR : PUTIH
FONT : ARIAL BLACK

KETETAPAN NOMBOR MENGIKUT SEKOLAH

MENENGAH

SEKOLAH	KOD	NOMBOR PESERTA
SMK TUNKU PUTRA	PKMB	800-819
SMK KEDAWANG	PKMC	820-839
SMK AYER HANGAT	PKMD	840-859
SMK LANGKAWI, PULAU TUBA	PKMG	860-879
SMK KELIBANG	PKMK	880-899

RENDAH

SEKOLAH	KOD	NOMBOR PESERTA
SK KELIBANG	PKRD	900-909
SK LANGKAWI	PKRH	910-919
SK PADANG MATSIRAT	PKRL	920-929
SK PENGHULU AHMAD	PKRM	930-939
SK TEMONYONG	PKRR	940-949
SK ULU MELAKA	PKRS	950-959
SK SELAT BAGAN NYIOR	PKRP	960-969
SK SERI LAGENDA	PKRG	970-979

10.0 PAKAIAN

- 10.1 Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas serta DIGALAKKAN berkasut sewaktu mengambil bahagian dan DIWAJIBKAN berkasut semasa majlis penyampaian hadiah.
- 10.2 Pakaian hendaklah tidak jarang/nipis walaupun basah dan tidak menjolok mata.

11.0 MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 11.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 45 minit sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung.
- 11.2 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing.

12.0 PEMBATALAN PESERTA

- 12.1 Peserta-peserta yang tidak lengkap tanda-tanda pengenalan atau pengesahan larian yang dinyatakan akan dibatalkan penyertaan.

13.0 HAK – HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 13.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pertandingan berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku perubahan, pengurus-pengurus pasukan akan dimaklumkan.
- 13.2 Jawatankuasa pertandingan berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak dicatat dalam undang-undang KOAM, Peraturan MSSM Pendidikan Khas, atau peraturan-peraturan Kejohanan Merentas Desa MSS Pendidikan Khas Daerah Langkawi termasuk **TIDAK MEMBENARKAN** penyertaan murid warga asing, murid yang melebihi had umur dan murid yang tidak mempunyai kad OKU.
- 13.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan harta benda peribadi peserta dan pegawai atau kemalangan semasa pertandingan.
- 13.4 Walaubagaimanapun, pihak pengelola berusaha untuk mengambil langkah langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan peserta dan pegawai terjamin semasa pertandingan dijalankan.

ATURCARA KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LANGKAWI
&
MSS PENDIDIKAN KHAS LANGKAWI 2025
TEMPAT: STADIUM LADA
TARIKH: 27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

Masa	Perkara	Catatan
07.45 pagi	- Kehadiran peserta - Taklimat pegawai kejohanan	
08.00 Pagi	- Taklimat Kejohanan untuk semua peserta - Pegawai kejohanan bergerak ke tempat bertugas	
08.15 pagi	• Peserta 18 L dilepaskan	8 km
	• Peserta 19 L Pendidikan Khas dilepaskan	
08.20 pagi	• Peserta 15 L dilepaskan	6km
	• Peserta 15 L Pendidikan Khas dilepaskan	
08.25 pagi	• Peserta 18 P dilepaskan	6km
	• Peserta 19 P Pendidikan Khas dilepaskan	
	• Peserta 15 P dilepaskan	
	• Peserta 15 P Pendidikan Khas dilepaskan	
08.30 pagi	• Peserta 12 L dilepaskan	4 km
	• Peserta 12 L Pendidikan Khas dilepaskan	
08.40 pagi	• Peserta 12 P dilepaskan	4 km
	• Peserta 12 P Pendidikan Khas dilepaskan	
08.45 pagi	- Ketibaan peserta ke garisan penamat	
10.30 - 11.00 pagi	- Rehat dan pengiraan markah/keputusan	
11.00 pagi	- Peserta berkumpul di dewan	
11.10 pagi	- Majlis penyampaian hadiah oleh: <i>Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi</i>	
12.00 tengah hari	- Bersurai	

Nota :

- #akan terdapat perubahan jadual pada waktu pelepasan peserta
- #akan diputuskan sebelum atau semasa taklimat bersama pengurus

-Dikemaskini pada 16 Februari 2025-